

**PENGARUH AMALAN JENAKA TERHADAP PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN MURID**
(THE INFLUENCE OF HUMOUR IN TEACHING AND LEARNING)

**Shaffe Mohd Daud*, Ramli Basri, Roselan Baki,
Sahandri Ghani Hamzah and Mokhtar Nawawi**
Department of Foundations of Education
Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang Selangor
*Corresponding author: shaffee@putra.upm.edu.my

Abstrak: Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat peranan amalan jenaka atau kecindan dalam kalangan guru pelatih dan pandangan murid terhadap amalan jenaka guru serta kesannya terhadap pembelajaran. Selain daripada itu, kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada amalan tersebut dilakukan oleh guru pelatih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Di samping itu, kajian ini akan mengenal pasti sama ada amalan jenaka guru pelatih dapat mewujudkan keseronokan untuk belajar dalam kalangan murid serta intensiti atau tahap jenaka yang dilaksanakan oleh guru pelatih semasa mengajar. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah kajian tinjauan bagi melihat pandangan guru pelatih dan murid sekolah terhadap amalan jenaka dalam pendidikan. Kajian ini adalah merupakan kajian rintis kepada kajian sebenar yang akan dilaksanakan kepada sekumpulan guru pelatih lain yang terdedah kepada latihan mengajar di sekolah. Murid tingkatan tiga daripada sebuah kelas di sebuah sekolah menengah di Cheras, Selangor dan guru pelatih daripada sebuah institusi pengajian awam di Kuala Lumpur yang sedang menjalani perguruan dalam semester kedua telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian terdiri daripada dua set soal selidik iaitu soal selidik murid dan soal selidik guru pelatih. Hasil kajian ini menunjukkan amalan jenaka guru boleh meningkatkan interaksi sesama rakan sejawat guru dan sesama rakan murid. Suasana pembelajaran yang seronok dapat diwujudkan sekiranya guru berjenaka dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran. Guru pelatih telah mengamalkan jenaka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga menganggap amalan ini boleh mewujudkan kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. Sementara tahap jenaka yang dilakukan oleh guru pelatih adalah dengan kadar yang sederhana iaitu antara tiga hingga empat kali bagi setiap sesi pengajaran. Kekekapan ini juga dianggap sebagai jumlah yang sesuai bagi seseorang guru melakukannya.

Kata kunci: jenaka kecindan, pengajaran dan pembelajaran

Abstract: The purpose of this study conducted was to see the role of practice in the humour among trainee teachers and students' view the practice of jokes and the effects of teacher and learning. In addition, the purpose of this study is to see whether the practice is done by the teacher trainees during the teaching and learning in the classroom. This

study also will identify whether the practice of jokes conducted by teacher trainees can create a memorable atmosphere for learning among students and the level of intensity or jokes conducted by teachers when teaching trainees. This quantitative study using survey research is a pilot study towards actual research that will be implemented to a group of teacher trainees who are exposed to training others to teach in schools. Form three students from a class at a secondary school in Cheras, Selangor and teacher trainer from a public institutions in Kuala Lumpur whom currently undergoing the second semester in college was selected as the sample study. Survey instrument is composed of two sets of questionnaires for pupils and teacher trainees. Results of this study show humour can increase interaction among colleagues and fellow of pupils. Fun learning environment can be created if teachers implement the jokes in the classroom during teaching and learning. Teacher trainees have been using humour during teaching and learning session. They also assume that this practice can create a positive impact on teaching and student learning. The level of jokes by teacher trainees is a moderate rate, between three to four times for each teaching session. This frequency is also considered appropriate for a number of teachers do.

Keywords: humour, teaching and learning

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Jenaka atau kecindan adalah merupakan kebolehan seseorang, objek, situasi atau perkataan yang dapat membangkitkan perasaan terhibur atau gembira. Perkataan kata akar kecindan berasal daripada bahasa Minangkabau. Jenaka atau kecindan ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang manusia, objek, situasi atau perkataan untuk mencetuskan perasaan gembira atau terhibur. Kecindan boleh berlaku apabila seseorang itu tertawa disebabkan kelucuan yang ditunjukkan oleh seseorang yang lain. Suasana kecindan dikatakan dapat mengurangkan situasi tegang dengan segera (Desberg & Others, 1981). Jenaka atau kecindan yang diamalkan oleh guru akan dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan boleh membantu mengurangkan tekanan dan kerunsingan dalam kalangan murid semasa di dalam bilik darjah.

Persekitaran pembelajaran yang wujud semasa jenaka dipersembahkan dapat membantu mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Persekitaran pembelajaran yang sihat dan menyeronokkan sentiasa diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sehubungan itu KPM telah memperkenalkan konsep pembelajaran yang menyeronokkan (*fun learning*) dalam kalangan guru-guru sekolah bagi menambah keberkesanan

proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Konsep ini boleh direalisasikan melalui pelbagai kaedah dan salah satu daripadanya ialah melalui amalan jenaka guru semasa mengajar.

KPM telah menggubal satu standard kualiti sebagai mekanisme untuk memantau dan menguatkuasakan semua program yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara (Jemaah Nazir Sekolah, 2004). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) adalah merupakan suatu garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua sekolah di bawah KPM. Jemaah Nazir Sekolah (JNS) telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan standard kualiti di sekolah dan institusi pelajaran tercapai melalui penggunaan instrumen SKPM. Instrumen ini diguna pakai bagi menaksir keupayaan dan potensi pentadbir sekolah menyelia guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, mengurus sumber dan mengasuh kementerian setiap murid. Dalam Elemen 9: Pengajaran dan Pembelajaran, Item 9.13: Perwatakan Guru, standard ini telah menyatakan kepentingan amalan kecondan dalam kalangan guru sekolah. Elemen 9.13(a) (vi) tentang sumbangan guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif. Standard ini menegaskan bahawa guru perlu mewujudkan suasana riang yang merangsang pembelajaran (Jemaah Nazir Sekolah, 2004). Suasana riang adalah merujuk kepada amalan kecondan guru semasa melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Salah satu peranan penting seseorang guru adalah membina hubungan baik guru–murid. Hampir setiap hari seorang guru itu bercakap dan berinteraksi dengan muridnya. Oleh itu bercakap atau berinteraksi adalah sebahagian daripada tugas guru. Bagi mewujudkan hubungan baik antara guru–murid, seharusnya seseorang guru itu berkebolehan dan mempunyai ciri-ciri kecondan. Guru harus menunjukkan sifat baik hati, adil dan ramah mesra kerana murid memerlukan kawan selain seorang guru, terutamanya bagi sesetengah murid yang tidak mempunyai ramai kawan dan terasing. Dengan cara guru mendekati mereka, menggalakkan mereka bertanya dan berkongsi lawak jenaka membolehkan murid merasai guru sebagai seorang kawan (Barry & King, 1990). Hubungan baik yang terjalin antara guru–murid akan dapat membantu mengawal masalah disiplin dan salah laku dalam kalangan murid.

Pernyataan Masalah

Sekolah menjadi institusi yang sangat terikat dengan peraturan dan tatacara sehingga menjadikannya suatu tempat yang "menakutkan". Suasana sekolah dan bilik darjah yang begitu tegas dengan pelbagai peraturan dan disiplin serta

pendekatan pengajaran guru yang serius akan menyebabkan murid merasa tertekan. Tekanan yang dihadapi oleh murid semasa berada di rumah dan di sekolah akan menyebabkan prestasi mereka merosot dan motivasi untuk belajar berkurangan. Maka akan terdapatlah guru dan murid menyatakan sekolah dan pembelajaran tidak menyeronokkan. Pelbagai masalah disiplin timbul daripada situasi tekanan ini seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, vandalisme, grafiti dan sebagainya. Sekiranya suasana pembelajaran dalam bilik darjah dapat diseimbangkan dengan jenaka dan gelak ketawa, maka sudah pasti tekanan yang dihadapi oleh murid akan berkurangan. Paterson (2006) menyarankan supaya jenaka digunakan dengan sebaik mungkin kerana dalam kajian, beliau mendapati ianya dapat membantu mengatasi beberapa masalah personal yang timbul di sekolah.

Lantaran daripada pelbagai masalah disiplin tersebut, guru akan dibebankan dengan cara untuk mengatasi masalah tersebut. Murid pula sentiasa terbeban dengan tugas pembelajaran dalam kelas semasa di sekolah. Semasa berada di rumah, murid terbeban dengan tugas atau kerja rumah. Di samping itu, murid juga dihantar oleh ibu bapa mereka ke kelas al-Quran, kelas tambahan dan tuisyen. Situasi ini boleh menimbulkan ketegangan dan boleh menyebabkan murid tertekan. Oleh itu, aspek keceriaan daripada segi emosi perlu diberikan perhatian khusus seperti amalan dan pergaulan guru dengan murid dan murid dengan murid perlu diwujudkan. Salah satu daripada keceriaan aspek emosi ini dapat diwujudkan melalui amalan jenaka atau kecindan dalam kalangan guru terhadap murid sama ada semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atau semasa interaksi dengan murid secara tidak formal. Charles (2002) mendapati amalan jenaka dapat mengurangkan tekanan (*stress*) dalam kalangan murid. Amalan jenaka akan dapat mengurangkan batasan darjat atau formaliti antara guru dengan murid. Dengan itu, murid akan lebih "berani" berjumpa guru untuk berbincang dan berinteraksi. Hidup tanpa jenaka adalah amat membosankan dan jenaka boleh merangsang pembelajaran. Ia membolehkan pengajaran dan pembelajaran mudah diingati. Kajian menunjukkan jenaka dalam bilik darjah membantu kelancaran interaksi guru–murid.

Hubungan antara guru dan murid yang tidak mesra menyebabkan pelbagai masalah wujud dalam bilik darjah, umpamanya murid malu dan segan untuk berinteraksi atau bersoal jawab. Hal ini juga boleh menyebabkan murid tidak menyukai guru mereka. Menurut kajian oleh Malikow (2007) murid menyukai guru yang pandai berjenaka. Namun ramai guru yang tidak dapat melakukannya semasa dalam bilik darjah. Faktor jantina, mata pelajaran dan personaliti guru dikatakan menjadi penyebab mengapa guru tidak berjenaka. Manakala Frymier,

Wanzer dan Wojtaszczyk (2008) menyatakan terdapat amalan jenaka yang sesuai dan tidak sesuai dilakukan oleh guru. Jenaka yang tidak sesuai akan menimbulkan kesan yang tidak baik kepada murid. Kajian tersebut juga melaporkan bahawa terdapat guru yang menggunakan jenaka yang tidak sesuai. Oleh itu, kajian ini akan melihat amalan jenaka yang berlaku dalam kalangan guru pelatih dan pandangan mereka serta murid terhadap amalan jenaka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Objektif

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat peranan amalan jenaka dalam kalangan guru pelatih dan pandangan murid terhadap amalan jenaka guru serta kesannya terhadap pembelajaran. Objektif penyelidikan ini adalah untuk:

1. Melihat kewujudan jenaka dan intensitinya (tinggi, sederhana, rendah) semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku.
2. Mengenal pasti sama ada jenaka guru pelatih semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan suasana seronok untuk belajar dalam kalangan murid di bilik darjah.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

1. Adakah jenaka dapat mewujudkan suasana seronok untuk belajar dalam kalangan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?
2. Adakah guru pelatih mengamalkan jenaka semasa pengajaran dan pembelajaran?
3. Apakah intensiti atau tahap jenaka yang dilaksanakan oleh guru pelatih semasa mengajar?

Batasan Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian rintis bagi memperoleh kebolehpercayaan instrumen kajian sebenar. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada murid tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah di Cheras, Selangor dan sekumpulan guru pelatih yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan

di sebuah institusi pengajian tinggi awam di Kuala Lumpur. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan dan merupakan dapatan awal kajian bagi melihat amalan jenaka dalam kalangan guru pelatih dan pandangan murid mengenai amalan jenaka guru mereka. Guru yang dirujuk oleh murid dalam kajian ini adalah guru yang mengajar mata pelajaran Matematik. Sementara guru pelatih yang terlibat mempunyai pengalaman melaksanakan pengajaran mikro di universiti berkenaan. Mereka belum mendapat sebarang pendedahan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang sebenarnya.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini akan dapat membantu penyelidik untuk membuat andaian terhadap keputusan kajian yang sebenar kelak. Maklumat daripada kajian rintis ini membolehkan penyelidik membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan kepada instrumen kajian yang digunakan. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru dan pendidik terhadap amalan jenaka dalam kalangan guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

SOROTAN LITERATUR

Jenaka atau Kecindan

Jenaka atau kecindan diterjemahkan sebagai lawak, lucu dan kelakar. Jenaka boleh ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang manusia, objek, situasi atau perkataan untuk mencetuskan perasaan gembira atau terhibur. Suasana jenaka boleh berlaku apabila kita ketawakan kepada sesuatu situasi seperti kelucuan yang ditunjukkan oleh seseorang. Suasana yang diwujudkan hasil daripada jenaka dikatakan dapat mengurangkan situasi tegang dengan segera.

Suasana yang merangsang kepada perasaan jenaka ini sentiasa berubah-ubah mengikut masa dan konteks. Ia juga mengikut masyarakat dan berubah mengikut umur. Manusia akan tertawa apabila mengalami suasana yang pelik dan tidak dijangka. Kunci kepada semua jenaka ialah wujudnya keadaan yang bertentangan atau tidak sama atau keadaan yang tidak kena atau tidak sesuai pada tempatnya (*incongruity*) (Kerry, 1993). Kita boleh ketawa apabila melihat kelemahan orang lain seperti kata seorang pemikir di zaman Greek yang terkenal iaitu Plato, "*We laugh when we see the weakness of another*".

Unsur jenaka boleh membantu seseorang itu menjadi guru yang baik dan berjaya serta dapat mengurangkan situasi tegang dalam bilik darjah. Amalan jenaka dalam kalangan guru juga akan membolehkan murid merasa lebih gembira (*enjoy*) dan membantu mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran. Manakala guru juga memperolehi manfaat dengan menikmati situasi kerja dengan lebih seronok dan terhibur apabila melihat reaksi anak didik mereka. Ini menyumbang kepada kehidupan yang lebih gembira dalam menghadapi situasi kerja yang kadang kala menimbulkan ketegangan (*stress*).

Teori Berkaitan Jenaka

Teori *incongruity* oleh Berlyne (dalam Frymier, Wanzer, & Wojtaszczyk, 2008) menyatakan terdapat dua fasa proses. Fasa pertama ialah apabila sesuatu mesej atau rangsangan yang dikatakan *incongruity* ialah mesej yang tidak kena pada tempatnya atau tidak sesuai pada tempatnya. Mesej ini pada permulaannya mesti dikenalpasti dan diterjemahkan oleh penerima sebagai bahan jenaka atau kecindan untuk diertikan sebagai sesuatu yang menggelikan hati. Fasa kedua ialah apabila sesuatu mesej berjenaka diproses dan dinilai sebagai menggelikan hati, maka sesuatu kandungan mesej yang *incongruity* itu perlu dikenalpasti dan *make sense* kepada penerima. Sesuatu mesej atau rangsangan yang dikatakan *incongruity* ialah mesej yang tidak kena pada tempatnya atau tidak sesuai pada tempatnya. Mesej ini pada mulanya mesti dikenal pasti dan diterjemahkan oleh penerima sebagai bahan jenaka atau kecindan untuk diertikan sebagai sesuatu yang menggelikan hati. Oleh itu, untuk sesuatu mesej jenaka diproses dan dinilai sebagai menggelikan hati, maka kandungan mesej yang *incongruity* itu perlu dikenal pasti dan munasabah kepada penerima. Sekiranya *incongruity* itu terlalu janggal dan tidak masuk akal atau terlalu kompleks, maka penerima tidak akan merasa mesej tersebut sebagai menggelikan hati.

Teori pembelajaran yang boleh dikaitkan dengan kepentingan jenaka dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidaklah begitu rapat. Namun teori pembelajaran yang berasaskan motivasi seperti Teori Pembelajaran Sosial (*Social Learning Theory*) oleh Bandura dan juga Teori Humanism yang diasaskan oleh Abraham Maslow, Carl Rogers dan Malcolm Knowles didapati mempunyai kaitan dengan amalan jenaka yang dapat mencetuskan situasi pembelajaran yang berkesan. Gurtler (2002) mengaitkan teori oleh Bandura terhadap sindrom "*burnt-out*" yang wujud dalam kalangan guru. Menurut beliau, peranan jenaka adalah untuk mencegah sindrom *burnt-out* dalam kalangan guru di samping boleh membantu meningkatkan pencapaian seseorang murid. Ini adalah kerana jenaka dapat menghasilkan suasana atau persekitaran pembelajaran yang lebih

baik. Sementara Teori Humanism pula menekankan kepada persekitaran yang menyokong pembelajaran bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam Teori Humanism, pembelajaran adalah berpusatkan pelajar (*student centered*) dan bersifat individu (*personal*). Persekitaran yang menyokong pembelajaran adalah diperlukan untuk perkembangan afektif dan kognitif. Dalam hal ini, amalan jenaka atau kecindan dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membantu menyokong perkembangan afektif dan kognitif pelajar.

Amalan Kecindan/Jenaka Semasa Sesi Pengajaran dan Pembelajaran

Beberapa kajian menunjukkan pelajar yang mendengar rakaman yang mengandungi unsur jenaka dan melihat filem jenaka memperoleh peningkatan pencapaian dalam skor secara signifikan dalam ujian kreativiti. Kelas yang tidak ada jenaka dianggap membosankan dan juga dikatakan sebagai kurang mesra. Sebaliknya, kelas yang dipenuhi dengan jenaka yang relevan dianggap menarik oleh murid. Guru yang mengamalkan jenaka diklasifikasikan oleh murid dan rakan setugas sebagai lebih positif dan membantu (Garner, 2006) dan 59% pelajar menyatakan guru yang mempunyai ciri-ciri jenaka adalah guru yang berkesan (Malikow, 2007).

Kajian oleh Frymier, Wanzer dan Wojtaszczyk (2008) menunjukkan jenaka dalam bilik darjah membantu berlakunya interaksi guru-murid dengan lebih lancar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Perbuatan ini tidak memerlukan seorang ahli lawak jenaka yang profesional. Jenaka boleh membantu pelajar menambahkan kemahiran komunikasi dan boleh membantu murid yang bersifat pemalu untuk berinteraksi. Ia juga membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah. Paterson (2006) menyarankan supaya jenaka digunakan dengan sebaik mungkin kerana beliau mendapati amalan ini dapat membantu mengatasi beberapa masalah personal yang timbul di sekolah. Dalam pengajaran bahasa Inggeris, penggunaan teks yang mempunyai unsur jenaka dalam penulisan dapat membantu memperbaiki kemahiran menulis dengan efektif, selain dapat menggalakkan pemikiran kritis dan menambahkan ekspresi dalam penulisan (Murakami, 2006).

Kajian yang dijalankan oleh Miura dan Jones (2005) mendapati dua peristiwa atau situasi yang biasanya dapat mencetuskan jenaka ialah semasa guru menjelaskan isi kandungan dan semasa guru mengeluarkan arahan berkaitan pengurusan bilik darjah. Ini adalah disebabkan kedua-dua peristiwa ini mengandungi maklumat dalam bentuk pengetahuan dan arahan, dan guru kelihatan menggunakan jenaka

sebagai *vehicle* untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar. Kajian beliau juga mendapati beberapa situasi jenaka dan kesan jenaka yang tidak kondusif kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran seperti ulasan pelajar, pelajar bercakap, pelajar ketawa dan pelajar meniru (*mimicking*) guru. Walau bagaimanapun tidak ada data yang dikumpul untuk melihat kesan (impak) negatif terhadap pembelajaran.

Maklum balas murid terhadap kajian yang dijalankan oleh Willard (2006), mengesahkan bahawa guru yang mengamalkan jenaka dapat membantu proses pembelajaran murid. Jenaka dikatakan dapat memperbaiki sikap murid terhadap mata pelajaran, mengurangkan kebimbangan, tekanan, ketegangan dan kebosanan. Amalan ini juga dapat meningkatkan kefahaman, ingatan, minat dan pelaksanaan tugas; meningkatkan motivasi untuk belajar dan kepuasan belajar serta menggalakkan kreativiti dan pemikiran secara *divergent*. Perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh James (2001). Beliau menjelaskan bahawa jenaka boleh meningkatkan perhatian dan keseronokan belajar, membantu mengekalkan ingatan. Guru yang mengamalkannya boleh dianggap sebagai mempunyai salah satu daripada ciri guru yang berkesan.

Kebanyakan guru melakukan jenaka secara semula jadi dan tidak perlu dirancang. Ini adalah kerana guru-guru ini mempunyai ciri-ciri jenaka dalam diri mereka secara semula jadi. Namun terdapat ramai dalam kalangan guru yang tidak memiliki ciri ini. Maka, mereka yang menyedari bahawa amalan ini membawa kepada kebaikan murid akan cuba merancang untuk melakukannya di bilik darjah. Guru boleh mengamalkan jenaka dalam bilik darjah dengan menggunakan jenaka yang relevan dengan isi kandungan pelajaran dalam tugas bacaan. Cari contoh yang berunsur jenaka dalam Sejarah, bahasa Inggeris, Sains dan sebagainya. Melalui penulisan tugas juga dapat dimasukkan ciri jenaka seperti meminta murid mencari sekurang-kurangnya tiga kartun yang berkaitan dengan tajuk atau konsep isi kandungan pelajaran. Guru boleh meminta murid menjelaskan setiap kartun tersebut dan bagaimana ia berkait dengan isi kandungan pelajaran. Papan buletin yang mempunyai unsur-unsur jenaka dapat diwujudkan dalam bilik darjah. Maklumat dan mesej yang disampaikan melalui papan buletin ini haruslah dalam bentuk seperti kartun yang berunsur jenaka tetapi berkaitan dengan tujuan atau isi kandungan pelajaran. Semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam bilik darjah, guru boleh menggunakan tiga hingga empat kartun yang berunsurkan jenaka dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran berbentuk cerita, contoh dan anekdot. Guru juga boleh menyediakan soalan ujian yang mempunyai pernyataan yang berunsur jenaka. Penggunaan bahan media seperti video yang mengandungi unsur jenaka boleh

membantu menceriaan persekitaran pembelajaran di bilik darjah. Namun, tugas guru adalah untuk memastikan ianya mempunyai kaitan dengan isi kandungan pelajaran. Pihak sekolah juga boleh mengadakan pertandingan melukis kartun sebagai acara sekolah.

Jenaka adalah suatu perbuatan yang tidak memberikan kesan buruk kepada manusia sekiranya digunakan secara terkawal dan beretika. Bryant, Comisky, Crane dan Zillman (1980) mengkategorikan jenis jenaka yang mempunyai maksud (*tendentious*) kepada tujuh jenis iaitu cerita jenaka, ulasan yang berjenaka, lawak, jenaka profesional, sindiran (*pun*), kartun dan teka-teki (*riddles*). Jenis-jenis jenaka ini dianggap memberikan kesan yang positif secara amnya dalam bilik darjah. Mereka juga mendapati empat jenis jenaka yang tidak mempunyai maksud (*non-tendentious*) seperti ejekan (*sarcasm*), jenaka lucu, jenaka berkaitan etnik dan jenaka agresif atau berunsur permusuhan (*hostile humour*). Jenis jenaka ini didapati memberikan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran. Sesetengah jenis jenaka dianggap oleh guru dan murid sebagai tidak bersesuaian, manakala selebihnya diinterpretasikan berbeza-beza bergantung kepada punca dan penerima mesej tersebut.

Wanzer, Frymier, Wojtaszczyk dan Smith (2006) menyatakan terdapat amalan jenaka yang sesuai dan tidak sesuai dilakukan oleh guru. Kajian ini menemui empat kategori utama jenaka yang sesuai dilakukan iaitu yang berkaitan dengan isi kandungan, yang tidak berkaitan isi kandungan, berbentuk merendahkan diri sendiri (*self-disparaging humour*), dan yang tidak dirancang. Sementara itu jenaka yang tidak sesuai juga dapat dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu jenaka yang berbentuk serangan (*offensive humour*), merendah-rendahkan pelajar, merendah-rendahkan orang lain dan merendah-rendahkan diri sendiri (*self-disparaging humour*).

Batasan Jenaka

Sebanyak manakah unsur jenaka yang harus dimasukkan ke dalam sesi pengajaran? Menurut James (2001), *rule of thumb* bagi mengamalkan jenaka kepada pelajar kolej adalah memasukkan tiga hingga lima jenaka yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran bagi setiap 50 minit waktu pengajaran.

Terdapat batasan tertentu terhadap penggunaan jenaka dalam pengajaran dan pembelajaran. Jangan menggunakannya secara keterlaluan dan hanya yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran sahaja dan tidak melibatkan masa

yang begitu lama. Dalam pengajaran bahasa, jenaka boleh digunakan semasa pengenalan sebagai aktiviti *ice-breaking*. Walau bagaimanapun tidak semua guru yang boleh berjenaka secara spontan. Secara keseluruhannya, penggunaan jenaka dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh menghasilkan faedah adalah tertakluk kepada batasan berikut:

1. Singkat dan boleh dilakukan dalam beberapa minit.
2. Digunakan secara terkawal.
3. Umum kepada semua sosiobudaya.
4. Menggelikan hati. Ia mengurangkan ketegangan dan menimbulkan keselesaan dalam bilik darjah.

Mengintegrasikan unsur kecindan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran memerlukan perancangan dan kebolehan seseorang guru:

1. Guru perlu memiliki kebolehan melaksanakan jenaka.
2. Jenaka yang digunakan perlu dipilih dengan berhati-hati.
3. Jenaka yang digunakan adalah pendek dan dengan cara yang betul bagi membolehkan murid berfikir dan berinteraksi.
4. Jenaka perlu digunakan sebagai satu peluang pengajaran.

METODOLOGI

Reka Bentuk

Kajian ini adalah merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan kaedah kajian tinjauan bagi melihat pandangan guru pelatih dan murid sekolah terhadap amalan kecindan dalam pendidikan. Kajian ini adalah merupakan kajian rintis kepada kajian sebenar yang akan dilaksanakan kepada sekumpulan guru pelatih lain yang terdedah kepada latihan mengajar di sekolah.

Persampelan

Persampelan tidak berkebarangkalian secara bertujuan (*purposive*) digunakan dalam kajian ini kerana ia tidak bertujuan untuk membuat sebarang generalisasi terhadap populasi bagi dapatan kajian. Murid tingkatan tiga daripada sebuah kelas di sebuah sekolah menengah di Cheras, Selangor dan guru pelatih daripada sebuah institusi pengajian awam di Kuala Lumpur yang sedang menjalani latihan

perguruan dalam semester kedua telah dipilih sebagai sampel kajian. Murid menjawab soal selidik dengan merujuk kepada amalan kecindan oleh guru Matematik yang mentadbir soal selidik ini, manakala pengalaman guru pelatih semasa menjalankan pengajaran mikro di fakulti pendidikan universiti tersebut dijadikan pedoman untuk mereka menjawab soal selidik kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah terdiri daripada dua set soal selidik iaitu soal selidik murid dan soal selidik guru pelatih. Penyelidik telah menggunakan instrumen kajian oleh Askildson (2005) dan Frymer, Wanzer dan Wojtaszczyk (2008) yang telah diubah suai mengikut objektif dan soalan kajian ini. Maklum balas bagi soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan lima skala Likert seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Maklum balas soal selidik

1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Tatacara Kajian

Seorang guru Matematik daripada sebuah sekolah menengah di Cheras telah mentadbir soal selidik murid kepada sekumpulan murid tingkatan tiga yang beliau ajar. Sementara seorang pensyarah di sebuah universiti telah mentadbir soal selidik guru pelatih kepada sekumpulan pelajar universiti yang sedang mengikuti kursus Diploma Pendidikan. Data daripada soal selidik telah dikumpul dan diserahkan kepada penyelidik untuk dianalisis.

Analisis Data

Analisis data secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai telah dilakukan terhadap kedua-dua set soal selidik. Di samping itu angkali kebolehpercayaan alfa Cronbach juga dikira dengan menggunakan pakej statistik (SPSS), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Nilai angkali kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi instrumen kajian

Bil.	Item	Nilai alfa Cronbach terlaras	Bilangan item
1	Soal selidik murid	.857	31
2	Soal selidik guru pelatih	.900	34

Nilai alfa Cronbach bagi kedua-dua set soal selidik yang diperolehi daripada kajian rintis ini mencatatkan angka yang tinggi dan menunjukkan wujudnya konsistensi yang tinggi. Ini menunjukkan instrumen ini memiliki kebolehpercayaan yang baik.

DAPATAN KAJIAN

Amalan Jenaka Guru Pelatih

Amalan jenaka adalah merupakan satu perbuatan yang baik dan dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid. Jenaka dipercayai boleh menyumbang kepada produktiviti dan menjalinkan kerjasama antara rakan sejawat. Responden juga percaya bahawa amalan ini dapat meningkatkan proses pembelajaran dalam kalangan anak didik mereka. Amalan jenaka yang tidak sesuai seperti dibincangkan dalam sorotan literatur didapati juga tidak dipersetujui oleh responden kajian ini. Responden tidak bersetuju dengan bentuk jenaka yang negatif dan tidak sesuai seperti memalukan murid, menggunakan kata kesat dan lucu.

Amalan jenaka dalam kalangan responden didapati mencatatkan kekerapan yang agak sederhana iaitu antara tiga hingga empat kali sahaja bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan responden masih kurang berupaya untuk melakukan jenaka semasa mengajar kerana mereka tidak dapat mempelbagaikan kaedah seperti menggunakan media, isu semasa dan tingkah laku *non-verbal*.

Pandangan Murid Terhadap Amalan Jenaka Guru

Murid percaya bahawa jenaka boleh menimbulkan suasana keseronokan dalam bilik darjah. Amalan ini dapat meningkatkan minat murid untuk belajar, membantu mereka memahami isi kandungan serta meningkatkan interaksi dengan guru dan sesama rakan. Murid merasa senang dengan suasana pembelajaran yang dimasukkan unsur jenaka. Ini adalah kerana perbuatan tersebut membolehkan

mereka merasa tenang dan tidak jemu untuk belajar. Malah, mereka kurang setuju apabila dinyatakan bahawa amalan jenaka guru membazirkan masa pembelajaran. Namun, murid agak kurang setuju unsur jenaka ini dimasukkan ke dalam buku teks. Malahan pada masa kini, amat jarang sekali kita menjumpai teks yang berunsur jenaka dalam bahan bacaan murid (Medgyes, 2002).

Murid tidak mengharapkan guru melakukan jenaka secara profesional, sekadar bersesuaian dengan situasi bilik darjah. Guru yang mengajar mereka dalam kajian ini secara umumnya tidak banyak mengamalkan jenaka semasa mengajar, sesuai dengan saranan mereka bahawa amalan ini tidak perlu terlalu banyak.

Amalan jenaka antara murid dengan guru didapati agak rendah manakala amalan semasa berkomunikasi sesama mereka menunjukkan kekerapan yang agak tinggi. Ini menunjukkan jenaka adalah merupakan salah satu kaedah untuk murid berinteraksi antara satu sama lain. Kumpulan murid ini berpendapat bahawa secara umumnya, guru-guru mereka mengamalkan jenaka dengan kekerapan yang agak tinggi iaitu antara lima hingga enam kali bagi satu sesi pengajaran.

Perbincangan

Menurut pandangan guru pelatih dan murid, jenaka dapat mewujudkan suasana seronok untuk belajar. Amalan ini boleh meningkatkan interaksi sesama rakan sejawat guru dan sesama rakan murid. Suasana pembelajaran yang seronok dapat diwujudkan sekiranya guru melaksanakan jenaka dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membandingkan kesan jenaka dengan pencapaian murid, namun terdapat beberapa kajian lain yang telah dijalankan menunjukkan wujudnya perkaitan antara jenaka dengan pencapaian dimana ianya dapat meningkatkan pencapaian murid (Murakami, 2006; Frymier, Wanzer, & Wojtaszyk, 2008). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya guru perlu mengamalkan jenaka atau kecindan semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kajian ini menunjukkan bahawa kalangan guru pelatih telah mengamalkan jenaka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga menganggap amalan ini boleh mewujudkan kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. Namun jenaka yang membawa kesan negatif dan tidak sesuai kepada murid telah ditolak oleh mereka. Penyelidik seperti Wanzer et al. (2006) telah membuat kajian mengenai jenis jenaka yang sesuai dan tidak sesuai. Walaupun terdapat guru menggunakan jenaka yang berunsur negatif, namun ianya adalah sangat tidak sesuai dan tidak dipersetujui oleh semua guru. Oleh itu, guru perlu

berhati-hati semasa menggunakan jenaka supaya tidak melibatkan unsur-unsur yang negatif seperti menimbulkan isu perkauman, agama, seks, dadah dan sebagainya.

Tahap jenaka yang diamalkan oleh guru pelatih adalah dengan kadar yang sederhana iaitu antara tiga hingga empat kali bagi setiap sesi pengajaran. Kekekapan ini juga dianggap sebagai jumlah yang sesuai bagi seseorang guru melakukannya. Kekekapan ini juga adalah selaras dengan jumlah yang disarankan oleh James (2001) iaitu antara tiga hingga lima kali bagi setiap 50 minit sesi pengajaran. Bukan semua guru dapat menggunakan jenaka semasa mengajar kerana sifat ini tidak dimiliki oleh semua guru. Sesetengah guru sangat mudah untuk berjenaka dengan muridnya, namun sesetengahnya pula begitu serius bila berkomunikasi dengan murid mereka. Guru yang berjenaka memang sangat disukai oleh murid dan mereka mudah didekati oleh semua orang. Interaksi yang disusuli dengan ketawa pasti sahaja akan dapat merancakkan lagi tajuk perbualan. Begitu juga situasi yang boleh dicetuskan oleh guru dalam bilik darjah juga dapat merangsang proses pembelajaran murid (James, 2001; Garner, 2006; Malikow, 2007).

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan amalan jenaka guru pelatih dapat mewujudkan suasana atau persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Di samping itu, amalan jenaka guru juga boleh membantu murid untuk belajar dengan lebih berkesan. Keseluruhan guru pelatih yang terlibat dalam kajian ini dapat mengamalkan jenaka semasa mengajar di bilik darjah. Kekekapan amalan jenaka guru sepanjang pengajaran adalah tiga hingga empat kali sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran, penemuan ini juga selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain. Jenaka yang berunsur negatif tidak diterima oleh murid dan guru pelatih untuk diamalkan dalam bilik darjah.

Amalan jenaka bukan sahaja diperlukan dalam dunia pendidikan, malahan sektor korporat juga mengakui bahawa persekitaran yang diinginkan oleh setiap pekerja adalah persekitaran yang mewujudkan keseronokan dan keceriaan daripada segi emosi. Akhbar London Times membuat kajian secara *online* dan mendapati salah satu daripada kriteria terakhir yang digunakan untuk memilih syarikat yang terbaik adalah diukur daripada peratus pekerja yang ketawa. Ini menunjukkan bahawa ketawa yang dihasilkan melalui amalan jenaka adalah begitu diperlukan oleh seseorang manusia. Kajian yang dilakukan terhadap 480 orang eksekutif

mengakui bahawa jenaka adalah mempengaruhi komunikasi di tempat kerja (Croft, n. d.)

Unsur jenaka adalah merupakan salah satu daripada sifat semula jadi atau pembawaan seseorang individu, namun ianya dapat dilakukan sekiranya dapat dirancang dengan teliti. Walaupun banyak kajian telah dijalankan dan mendapati unsur jenaka sebagai faktor yang menambahkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, namun unsur aplikasi yang konkrit dan penglibatan yang sistematik terhadap amalan jenaka masih belum dimasukkan ke dalam kurikulum latihan perguruan (Gurtler, 2002). Oleh itu, kementerian yang berkaitan dengan latihan perguruan seharusnya memberi perhatian terhadap amalan ini dan dapat menyatakannya dalam kurikulum latihan perguruan negara.

RUJUKAN/REFERENCES

- Askildson, L. (2005). Effect of humor in the language classroom. *Arizona Working Papers in SLAT, Vol. 12*. Retrieved 15 May 2009 from, <http://www.coh.arizona.edu/awp/Volumes#vol12>.
- Barry, K., & King, L. (1990). *Beginning teaching – A developmental text for effective teaching*. New South Wales: Social Science Press.
- Bryant, J., Comisky, P., Crane, J., & Zillman, D. (1980). Relationship between college teachers' use of humor in the classroom and students' evaluations of their teachers. *Journal of Educational Psychology, 72*(4), 511–519 (ERIC Document Reproduction Series No. EJ235511).
- Charles, A. (2002). *The use of humor in vocabulary instruction*. Master of Arts Degree Thesis (ERIC Document Reproduction Series No. ED463537).
- Croft, P. (2007). *Why humour?* Retrieved 1 August 2008 from, <http://www.humorausstralia.com/WhyHumour.htm>.
- Desberg, P., & Others, A. (1981). *The effect of humor on retention of lecture material*. (ERIC Document Reproduction Series No. ED223118).
- Frymier, A. B., Wanzer, M. B., & Wojtaszczyk, A. M. (2008). Assessing Students' Perceptions of Inappropriate and Appropriate Teacher Humor. *Communication Education, 57*(2), 266–288. (ERIC Document Reproduction Series No. ED499080).

- Garner, R. L. (2006). Humor in pedagogy: How ha-ha can lead to aha! *College Teaching*, 54(1), 177–180 (Abstracts). (ERIC Document Reproduction Series No. EJ744358).
- Gurtler, L. (2002). *Humor in Educational Contexts*. Paper presented at the 110th annual Meeting of the American Psychological Association, (Chicago, IL, 22–25 August 2002. (ERIC Document Reproduction Series No. ED470470).
- James, D. L. (2001). *Split a gut and learn: Theory and research*. (ERIC Document Reproduction Series No. ED458671). Retrieved 17 June 2008, from ERIC database.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard kualiti pendidikan Malaysia sekolah – Instrumen pemastian standard SKPM 1 – Edisi Disember 2004*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kerry, M. (1993). *Laugh lines: Exploring humour in children's literature*. (ERIC Document Reproduction Series No. ED362905).
- Malikow, M. (2007). Staying motivated and avoiding burnout. *Kappa delta pi record*. (ERIC Document Reproduction Series No. EJ757352).
- Medgyes, P. (2002). *Launghing matters: Humours in the language classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Miura, S., & Jones, R. (2005). LOL: The use of humor in secondary social studies classroom. In L. P. McCoy (Ed.), *Studies in Teaching 2005 Research Digest* (pp. 71–75). Winston-Salem, NC: Wake Forest University. Retrieved from <http://www.wfu.edu/education/gradtea/forum05/proceedings05.pdf>
- Murakami, N. (2006). Not just a humor"ous" text: Humor "as" text in the writing class. *Teaching English in the Two-Year College*, 34(1), 32–40. (ERIC Document Reproduction Series No. EJ752073).
- Paterson, J. (2006). Did you hear the one about...? Humor in the classroom. (Abstracts). *National Middle School Association, Middle Ground*, 10(2), 43–45. (ERIC Document Reproduction Series No. ED497101).
- Wanzer, M. B., Frymier, A. B., Wojtaszczyk, A. M., & Smith, T. (2006). Appropriate and inappropriate uses of humor by teachers. *Communication Education*, 55, 178–196. (ERIC Document Reproduction Series No. EJ734558).
- Willard, M. (2006). Humor in the hands of seasoned montessorians. *Montessori Life: A Publication of the American Montessori Society*, 18(2) 50–53 2006. (ERIC Document Reproduction Series No. EJ742481).

APPENDIX

Pandangan Guru Pelatih Terhadap Amalan Kecindan

Bil.	Perkara	Min	SD
1.	Saya mengamalkan jenaka sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.	3.46	0.66
2.	Saya sering berjenaka dalam pergaulan seharian saya.	3.62	0.77
3.	Saya kerap (secara purata) menggunakan jenaka semasa mengajar dalam kelas. (cth: gurauan, sinis, ekspresi muka yang lucu, cerita yang lucu dan sebagainya)	3.38	0.87
4.	Saya menggunakan jenaka yang sesuai dengan bahan pembelajaran.	4.00	0.91
5.	Saya menggunakan bahan media yang lucu semasa mengajar.	3.38	0.65
6.	Saya menggunakan isi pelajaran sebagai bahan jenaka.	3.31	0.86
7.	Saya gunakan jenaka yang tidak ada kaitan dengan isi pelajaran.	2.54	1.13
8.	Saya menggunakan bahasa yang kreatif dan lucu untuk menerangkan isi kandungan.	3.15	1.07
9.	Saya menggunakan sindiran yang sinis berkenaan dengan tajuk secara umum (tidak berkaitan dengan mata pelajaran).	2.54	0.88
10.	Saya menjadikan murid sebagai bahan jenaka dalam kelas.	2.69	1.25
11.	Saya mengusik murid dengan menjadikan mereka sebagai contoh.	3.00	1.29
12.	Saya menceritakan sesuatu yang memalukan murid sebagai bahan yang lucu.	1.62	1.04
13.	Saya menggunakan bahasa yang kesat secara berjenaka.	1.69	1.03
14.	Saya menggunakan tingkah laku <i>non-verbal</i> sebagai cara berjenaka.	2.85	1.34
15.	Saya menceritakan aktiviti yang tidak sihat secara berjenaka.	2.08	0.86
16.	Saya menggunakan ulasan yang berunsur jenaka berkaitan perlakuan murid.	2.92	0.95
17.	Saya membuat jenaka dengan murid berasaskan jantina.	3.00	0.71
18.	Saya membuat ulasan berjenaka berkait dengan budaya murid.	3.31	1.26
19.	Saya membuat jenaka berunsurkan bangsa atau etnik.	2.62	0.96
20.	Saya membuat jenaka berkaitan dengan perkara lucu.	1.54	0.78
21.	Saya mengusik murid semasa mengajar dalam kelas bagi menimbulkan suasana jenaka.	3.08	1.04
22.	Saya membuat ulasan yang berunsur jenaka berkaitan dengan isu semasa.	3.08	0.76
23.	Saya menggunakan kesalahan yang dilakukan oleh murid sebagai bahan jenaka dalam kelas.	2.62	1.04

Amalan Jenaka dalam Pengajaran dan Pembelajaran

24.	Jenaka dan kreativiti adalah berkaitan.	3.92	0.86
25.	Jenaka dapat menjalin perhubungan baik antara guru dengan murid.	4.31	0.63
26.	Jenaka dapat mencambahkan keyakinan saya.	4.00	0.41
27.	Unsur jenaka dapat menambahkan keupayaan menyelesaikan masalah.	3.46	0.78
28.	Jenaka yang sesuai di tempat kerja adalah penting untuk moral berpasukan.	4.23	0.60
29.	Jenaka boleh membantu peluang menjalinkan kerjasama antara rakan sejawat.	4.15	0.80
30.	Jenaka menyumbang kepada produktiviti.	4.00	0.91
31.	Jenaka boleh membuat murid saya merasa lebih relaks (seperti kurang tekanan) dalam bilik darjah.	4.23	0.60
32.	Jenaka dapat memperbaiki keupayaan murid saya untuk memahami isi kandungan pelajaran.	4.08	0.76
33.	Pada pendapat saya, kekerapan penggunaan jenaka yang ideal bagi satu waktu pengajaran untuk meningkatkan persekitaran pembelajaran yang kondusif ialah: 1: Tiada; 2: 1–2 kali; 3: 3–4 kali; 4: 5–6 kali; 5: 7 kali atau lebih	2.92	0.95
34.	Kekerapan (secara purata) saya menggunakan jenaka untuk berkomunikasi di dalam bilik darjah ialah: 1: Tiada; 2: 1–2 kali; 3: 3–4 kali; 4: 5–6 kali; 5: 7 kali atau lebih	3.00	1.00

Min keseluruhan = 3.17; Sisihan piawai = .85; Minimum = 1.54; Maksimum = 4.31

Pandangan Murid Terhadap Amalan Kecindan Guru

	PERKARA	Min	SD
1.	Guru sesuai berjenaka semasa mengajar.	4.41	0.59
2.	Jenaka dalam bilik darjah sesuai dengan latar belakang budaya pelbagai bangsa.	3.73	0.99
3.	Jenaka yang dilakukan oleh guru semasa pengajaran membantu saya meningkatkan minat belajar.	4.55	0.80
4.	Jenaka yang dilakukan oleh guru dalam bilik darjah membantu saya memperbaiki kemahiran berkomunikasi dengan guru.	3.95	0.72
5.	Guru perlu menjadi ahli lawak jenaka profesional jika ia mahu berjenaka dalam bilik darjah.	2.64	1.14
6.	Saya menghadapi masalah untuk berjenaka bagi tujuan berkomunikasi semasa belajar.	2.55	1.01
7.	Jenaka guru membantu untuk memudahkan saya memahami sesuatu mata pelajaran.	4.14	0.83
8.	Jenaka guru membantu saya untuk berinteraksi ketika belajar.	4.00	0.76
9.	Jenaka juga membantu saya mengatasi masalah kerunsingan.	4.14	0.56

10.	Jenaka juga membantu saya mengatasi rasa malu.	3.64	1.05
11.	Jenaka guru boleh mengurangkan masa penyampaian isi kandungan pelajaran.	3.55	1.01
12.	Jenaka adalah satu cara yang memudahkan saya belajar.	4.00	0.87
13.	Penggunaan jenaka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran akan membazirkan masa belajar.	2.73	0.99
14..	Saya percaya mata pelajaran tertentu sahaja sesuai diselitkan dengan jenaka.	3.36	1.26
15.	Jenaka perlu dimasukkan dalam buku teks bagi membolehkan murid faham.	2.59	1.05
16.	Jenaka guru memudahkan saya belajar.	3.95	0.58
17.	Jenaka guru meningkatkan kefahaman saya.	4.09	0.61
18.	Jenaka guru meningkatkan minat saya untuk belajar.	4.32	0.57
19.	Jenaka guru boleh membantu saya meningkatkan daya ingatan.	3.95	0.72
20.	Jenaka guru membolehkan saya merasa tenang semasa dalam bilik darjah.	4.09	0.68
21.	Rasa merasa mesra dengan guru yang berjenaka.	4.18	0.66
22.	Jenaka boleh menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan.	4.55	0.67
23.	Semakin banyak guru membuat jenaka, semakin seronok saya belajar.	4.45	0.74
24.	Semakin banyak guru buat memjenaka, semakin mudah saya belajar.	4.23	0.75
25.	Jenaka adalah penting dalam bilik darjah secara keseluruhannya.	3.41	0.96
26.	Jenaka guru membuatkan kami tidak jemu untuk belajar.	4.36	0.90
27.	Kekerapan guru saya berjenaka yang berkaitan dengan mata pelajaran ini: 1: Tiada langsung; 2: Sedikit; 3: Kadang-kadang; 4: Banyak; 5: Sangat banyak	3.45	0.60
28.	Kekerapan penggunaan jenaka yang ideal semasa dalam bilik darjah bagi meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa: 1: Tiada; 2: Sangat sedikit; 3: Kadangkala; 4: Banyak; 5: Sangat banyak	3.73	0.70
29	Kekerapan (secara purata) saya berjenaka untuk berkomunikasi dengan guru dalam bilik darjah: 1: Tidak pernah; 2: 1-2 kali; 3: 3-4 kali; 4: 5-6 kali; 5: 7 kali dan lebih	2.86	1.21
30	Kekerapan (secara purata) saya berjenaka untuk berkomunikasi dengan rakan dalam bilik darjah: 1: Tidak pernah; 2: 1-2 kali; 3: 3-4 kali; 4: 5-6 kali; 5: 7 kali dan lebih	4.18	0.96
31.	Kekerapan guru saya (secara purata) berjenaka semasa dalam bilik darjah ialah: 1: Tiada langsung 2: 1-2 kali 3: 3-4 kali 4: 5-6 kali 5: Lebih daripada 7 kali	3.95	0.99

Min keseluruhan = 3.80; SD = .74; Minimum = 2.55; Maksimum = 4.55